

# Henti ketegangan Asia Barat

Oleh FITRI NIZAM  
fitri.nizam@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Malaysia menyeru semua pihak berkepentingan di Asia Barat supaya meredakan ketegangan yang semakin memuncak dengan segera kerana ia menjejaskan kestabilan rantau tersebut.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, pencerobohan dan serangan berterusan Israel terhadap Lubnan, Syria dan Yaman adalah satu tindakan yang disengajakan.

Katanya, ia bertujuan mengalihkan perhatian masyarakat antarabangsa daripada kekejaman dan tindakan pembunuhan beramai-ramai Israel terhadap rakyat Palestin di Gaza dan Tebing Barat.

"Ketegangan ini jelas bertujuan mengekalkan kuasa politik pemimpin Israel dan mengelakkan daripada hukuman penjara, pembunuhan nyawa tidak berdosa demi karier politik individu," katanya semalam.

Perdana Menteri berkata, dunia harus bertindak segera bagi membendung tindakan susulan dan tindak balas berbahaya yang dikhuatiri melibatkan lebih banyak pihak ke dalam konflik tersebut.

Anwar berkata, keterlibatan lebih banyak pihak dalam konflik itu hanya merumitkan lagi



KESAN kemusnahan di tapak serangan udara Israel di pinggir selatan Beirut. Shayyah, semalam. - AFP

keadaan sekali gus memperluas skala kemusnahan.

"Malaysia menggesa semua pihak bertanggungjawab untuk mengambil tindakan segera bagi mengurangkan ketegangan dan mewujudkan keadaan yang diperlukan bagi menghalang konflik serantau yang lebih luas daripada meletus," katanya.

Ketegangan di Asia Barat kian memuncak apabila Israel melancarkan beberapa siri serangan udara terhadap Lubnan sehingga mengakibatkan kematian Ketua Hizbullah, Hassan Nasrallah di Beirut.

Susulan itu, Iran dilaporkan mula bertindak balas terhadap kematian Hassan Nasrallah yang merupakan sekutunya dengan

melancarkan serangan peluru berpandu balistik berkelajuan tinggi dengan mensasarkan Tel Aviv, Israel.

Kestabilan rantau Asia Barat kini tidak menentu apabila Perdana Menteri Israel, Benjamin Netanyahu mengatakan tindakan Iran itu merupakan satu 'kesilapan besar' dan bertekad membalas serangan tersebut.